



KONVENSYEN KUMPULAN PENGGERAK INOVASI (KKPI)

BUKU PANDUAN PESERTA



PUSAT JAMINAN KUALITI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BUKU INI DIGUNAKAN SEBAGAI RUJUKAN
DAN PANDUAN KEPADA SEMUA YANG
MENYERTAI KONVENSYEN KUMPULAN
PENGGERAK INOVASI (KKPI) UNIVERSITI
MALAYSIA SABAH (UMS)

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKASURAT
PENGENALAN	3
KATEGORI YANG DIPERTANDINGKAN	4
SYARAT UTAMA PENYERTAAN	4
PANDUAN PENYEDIAAN DOKUMENTASI PROJEK DAN KRITERIA PEMARKAHAN KATEGORI YANG DIPERTANDINGKAN	
KRITERIA PEMARKAHAN KATEGORI HBKIK	5 -7
KRITERIA PEMARKAHAN PENGURUSAN LEAN	8 - 10
KRITERIA PEMARKAHAN <i>TEAM EXCELLENCE</i>	11
KRITERIA PEMARKAHAN POSTER PROJEK INOVASI	12 - 14

KONVENSYEN KUMPULAN PENGGERAK INOVASI (KKPI)

PENGENALAN

Konvensyen Kumpulan Penggerak Inovasi (KKPI) merupakan platform bagi memberi peluang kepada kumpulan untuk mempersembahkan projek inovasi dan penambahbaikan yang telah dilaksanakan.

Penganjuran konvensyen yang dilaksanakan setiap tahun ini bertujuan untuk membudayakan inovasi dan penambahbaikan berterusan dalam kalangan warga UMS melalui penghasilan penyelesaian yang kreatif, praktikal dan berimpak. Projek yang dihasilkan diharapkan dapat meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan, memberi nilai tambah kepada JAFPIB dan UMS secara keseluruhannya serta menyumbang kepada peningkatan imej dan kecemerlangan Universiti.

KATEGORI YANG DIPERTANDINGKAN

Empat (4) kategori dipertandingkan dalam KKPI seperti berikut:

1. HORIZON BAHARU KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (HB KIK)

Terbuka kepada kumpulan yang melaksanakan projek inovasi dan penambahbaikan berdasarkan pendekatan Horizon Baharu KIK serta memenuhi kriteria dan keperluan penilaian yang ditetapkan.

2. PENGURUSAN LEAN (LEAN MANAGEMENT – LM)

Terbuka kepada kumpulan yang melaksanakan projek penambahbaikan menggunakan pendekatan dan prinsip Pengurusan Lean bagi mengenal pasti serta menghapuskan atau mengurangkan pembaziran (waste), memperkemas proses kerja, meningkatkan kecekapan penggunaan sumber dan memberikan nilai tambah kepada pelanggan serta organisasi.

3. TEAM EXCELLENCE

Terbuka kepada kumpulan projek yang pernah menyertai konvensyen atau pertandingan di peringkat kebangsaan. Contoh Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Horizon Baharu peringkat Universiti Awam, *Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition* (APIC) dan Konvensyen atau pertandingan inovasi/ Pengurusan Lean lain yang diiktiraf dan melibatkan penyertaan di peringkat kebangsaan. Kumpulan hendaklah memilih kategori Horizon Baharu KIK (HB KIK) atau Pengurusan Lean.

4. POSTER PROJEK INOVASI JAFPIB

(Format Pelaporan A3)

Terbuka kepada projek inovasi dan penambahbaikan berterusan di peringkat JAFPIB yang melibatkan penambahbaikan terhadap proses dan kaedah kerja, prosedur/ SOP, garis panduan, sistem, dokumentasi atau sistem penyampaian perkhidmatan. Projek hendaklah dibentangkan dalam bentuk poster menggunakan Format Pelaporan A3.

SYARAT UTAMA PENYERTAAN

1. Penyertaan adalah terbuka kepada semua JAFPIB dan setiap JAFPIB amat digalakkan untuk menghantar sekurang-kurangnya satu (1) kumpulan.
2. Setiap kumpulan hendaklah terdiri daripada **sekurang-kurangnya lima (5) orang dan maksimum sepuluh (10) orang ahli.**
3. Pendaftaran penyertaan konvensyen bagi kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) hendaklah dibuat melalui Sistem KreaNova yang boleh diakses melalui HROnline. Peserta hendaklah melengkapi borang pendaftaran dalam sistem tersebut dengan merujuk manual tatacara pendaftaran melalui pautan atau kod QR yang disediakan seperti berikut:

<https://anyflip.com/bgfy/bwkk/>



PANDUAN PENYEDIAAN DOKUMENTASI PROJEK DAN KRITERIA PEMARKAHAN KATEGORI YANG DIPERTANDINGKAN

HORIZON BAHARU KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (HB KIK)

1.0 PENGENALAN

Panduan ini disediakan bagi membantu kumpulan HB KIK menyediakan dokumentasi dan slaid pembentangan projek secara tersusun, jelas, berasaskan data dan disokong dengan bukti yang boleh disahkan.

Setiap kumpulan hendaklah memastikan projek bukan sahaja menerangkan inovasi yang dibangunkan, tetapi dapat membuktikan:

MASALAH → PUNCA → PENYELESAIAN → PELAKSANAAN → OUTCOME → IMPAK → PENGEMBANGAN

Penekanan utama hendaklah diberikan kepada pembuktian keberhasilan projek, khususnya outcome dan impak.

2.0 KEPERLUAN PENYEDIAAN DOKUMEN

Setiap kumpulan perlu menyediakan dokumen seperti berikut;

Dokumentasi	Penerangan
Borang Penyertaan Pertandingan Horizon Baharu Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (HBKIK)	Rujuk Lampiran – Panduan penyediaan dokumen projek HBKIK
Ringkasan Eksekutif	Bilangan patah perkataan: 300–500 patah perkataan Had: Maksimum 500 patah perkataan Bilangan muka surat: Maksimum 2 muka surat Ditulis dalam bahasa yang mudah difahami dan padat. Mesti merangkumi: a) Pernyataan masalah; b) Metodologi/ tindakan penyelesaian masalah melalui projek yang dijalankan; c) Anggaran kos projek; d) Jumlah penjimatan dari segi kos, masa atau sebagainya; e) Keberhasilan (<i>outcome</i>) serta impak projek; Penggunaan grafik, butiran poin berserta maklumat yang ringkas dan tajuk kecil bagi menyusun tema ringkasan boleh digunakan bagi memudahkan kefahaman. Rujuk Lampiran – Panduan penyediaan dokumen projek HBKIK

Dokumentasi	Penerangan
Perincian projek	Bilangan patah perkataan: 3000–5000 patah perkataan Had: Maksimum 5000 patah perkataan Bilangan muka surat: Maksimum 15 muka surat. Ditulis dalam bahasa yang mudah difahami dan padat. Mesti merangkumi: - Signifikan pemilihan projek (10%) - Tindakan Penyelesaian (23%) - Keberkesanan projek; - Keberhasilan projek-Outcome (35%) - Keberhasilan projek- Impak (18%) - Potensi Pengembangan projek (10%) - Penutup - Lampiran Rujuk Lampiran – Panduan penyediaan dokumen projek HBKIK
Slaid pembentangan	Disediakan dalam format <i>Microsoft PowerPoint</i> atau lain-lain berdasarkan kriteria penilaian HB KIK.
Format penulisan bagi Ringkasan Eksekutif dan Perincian Projek	- Jenis <i>font</i>: Arial - Saiz <i>font</i> : Minimum 11 - Jarak baris (spacing) : 1.15 - Saiz kertas : A4

3.0 KRITERIA PENILAIAN HORIZON BAHARU KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (HB KIK)

Bil.	Kriteria Penilaian	Markah Penuh
1	<u>PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN [4 MARKAH]</u>	
1.1	Sokongan dan kelulusan pihak pengurusan tertinggi setiap agensi terlibat	4
2	<u>SIGNIFIKASI PROJEK DAN PEMBUKTIAN [10 MARKAH]</u>	
2.1	Kaitan dengan fungsi utama jabatan/organisasi	10
2.2	Memenuhi kehendak pelanggan dan pemegang taruh (stakeholder)	
2.3	Sejajar dengan agenda dan matlamat nasional	
2.4	Kaitan dengan keadaan dan ekosistem semasa	
2.5	Kaedah pemilihan projek dan analisis	
2.6	Pernyataan Sasaran Outcome dan Impak	
3	<u>TINDAKAN PENYELESAIAN [23 MARKAH]</u>	
3.1	Strategi penyelesaian kreatif termasuk aplikasi penggunaan <i>tools</i>	23

Bil.	Kriteria Penilaian	Markah Penuh
3.2	Penghasilan dan Pengujian Prototaip	
3.3	Perakuan daripada pihak bertauliah/pihak berkuasa	
3.4	Pelaksanaan inovasi	
4.1	KEBERHASILAN PROJEK (OUTCOME PROJEK DAN PEMBUKTIAN) [35 MARKAH]	
4.1 (a)	Pencapaian <i>Outcome</i> dan Pembuktian	35
4.1 (b)	Faedah sampingan (luar jangka)	
4.2	KEBERHASILAN PROJEK (IMPAK PROJEK DAN PEMBUKTIAN) [18 MARKAH]	
4.2 (a)	Penilaian impak dan pembuktian	18
4.2 (b)	Faedah sampingan (luar jangka)	
5	POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI [10 MARKAH]	
5.1	Tahap ketersediaan teknologi /sistem/proses	10
5.2	Tahap replikasi atau pengkomersialan	
JUMLAH MARKAH KESELURUHAN		100

Berikut dilampirkan **PANDUAN PENYEDIAAN DOKUMENTASI PROJEK HB KIK** (<https://anyflip.com/bqfyl/qjmy/>) untuk rujukan dan panduan semua peserta dalam menyediakan dokumentasi projek.

PENGURUSAN LEAN (*LEAN MANAGEMENT*)

1.0 PENGENALAN

Panduan ini disediakan bagi membantu kumpulan menyediakan dokumentasi Projek Pengurusan Lean secara sistematik, jelas dan berasaskan bukti.

Projek Pengurusan Lean hendaklah menunjukkan bagaimana prinsip dan kaedah Lean digunakan untuk mengenal pasti serta menghapuskan atau mengurangkan aktiviti yang tidak memberi nilai tambah (waste), memperkemas proses kerja dan meningkatkan nilai kepada pelanggan serta organisasi.

2.0 KEPERLUAN PENYEDIAAN DOKUMEN

Setiap kumpulan perlu menyediakan dokumen seperti berikut;

Dokumentasi	Penerangan
Slaid pembentangan	Disediakan dalam format Microsoft PowerPoint atau lain-lain berdasarkan kriteria penilaian Pengurusan Lean.

3.0 KRITERIA PENILAIAN PENGURUSAN LEAN

Bil.	Kriteria Penilaian	Pecahan Markah	Markah Penuh
1	<u>Pengenalan (50 Markah)</u>		
1.1	Latarbelakang jabatan, kumpulan dan pemilihan kumpulan diterangkan	20	50
1.2	Kumpulan membuktikan penyertaan dan keberkesanan perancangan projek	30	
2	<u>Pemilihan Projek dan Definisi (150 Markah)</u>		
2.1	Kumpulan menerangkan dengan jelas bagaimana dan kenapa projek menjadi pilihan	80	150
2.2	Kumpulan menerangkan dengan jelas bagaimana projek ini selari dengan matlamat organisasi serta membantu memenuhi sasaran pencapaian yang telah ditetapkan oleh organisasi	40	
2.3	Kenalpati akan stateholder yang terlibat dan bagaiman projek ini memberi kesan kepada stakeholder tersebut	30	
3	<u>Analisis Peluang Penambahbaikan (250 Markah)</u>		

Bil.	Kriteria Penilaian	Pecahan Markah	Markah Penuh
3.1	Peluang penambahbaikan telah dikenalpasti berdasarkan data / maklumat yang mencukupi yang dikumpulkan melalui pelbagai cara dan alat yang sesuai.	80	250
3.2	Analisis sistematik dan penilaian sebab-sebab yang berpotensi telah dijalankan untuk mengenal pasti punca-punca dengan alat yang sesuai digunakan	120	
3.3	Pengesahan dan pengesahan peluang penambahbaikan / punca-punca pembaikan terpilih telah dijalankan menggunakan pelbagai kaedah	50	
4.1	PENYELESAIAN MASALAH MELALUI KREATIVITI & INOVASI (200 MARKAH)		
4.1	Kumpulan telah mengenal pasti pelbagai tindakan / penyelesaian kreatif dan inovatif yang berpotensi	50	200
4.2	Kumpulan telah menilai dengan teliti setiap penyelesaian alternatif sebelum pemilihan akhir berdasarkan kriteria yang sesuai (kelebihan dan kelemahan dianggap)	70	
4.3	Kumpulan telah menilai cadangan penyelesaian kreatif dan inovatif yang dipilih terhadap sasaran yang ditetapkan.	30	
4.4	Kumpulan menerangkan kejayaan penyelesaian kreatif dan inovatif dan kesukaran/halangan serta bagaimana ianya diatasi.	50	
5	PEMANTAUAN DAN PENYERAGAMAN (100 MARKAH)		
5.1	Kumpulan telah menjalankan pemantauan yang sistematik dan mencukupi untuk memastikan tindakan penambahbaikan dilaksanakan	50	100
5.2	Kumpulan ini dapat membuat pelarasan yang sesuai untuk memastikan penambahbaikan yang ada dan dikekalkan.	20	
5.3	Langkah-langkah telah diambil untuk memastikan prosedur baru disahkan, diterima pakai, didokumenkan dan dikongsi.	20	
5.4	Tindakan diambil untuk memastikan bahawa prosedur yang diterima pakai telah diselaraskan dan dikekalkan.	10	
6	PENCAPAIAN DAN PENCIPTAAN NILAI (200 MARKAH)		
6.1	Huraikan jenis dan kuantum pencapaian dan penciptaan nilai	70	200
6.2	Pembandingan sasaran dan pencapaian sebenar dibuat (kos yang terlibat dijelaskan)	30	

Bil.	Kriteria Penilaian	Pecahan Markah	Markah Penuh
6.3	Penyelesaian yang dipilih diiktiraf untuk keunikannya di peringkat syarikat / industri / negara dan antarabangsa.	40	
6.4	Impak pencapaian dan penciptaan nilai kepada alam sekitar, komuniti dan ahli pasukan	30	
6.5	Kumpulan menyediakan bukti pengesahan pencapaian dan penciptaan nilai	30	
7	PERSEMBAHAN (50 MARKAH)		
7.1	Persembahan teratur dengan urutan yang sesuai dengan masa yang ditetapkan.	30	50
7.2	Pembentangan jelas, penggunaan alat bantu visual dan pembacaan awam yang berkesan.	20	
JUMLAH MARKAH KESELURUHAN		1000	1000

TEAM EXCELLENCE

1.0 PENGENALAN

Kategori *Team Excellence* diwujudkan khusus bagi kumpulan projek yang pernah menyertai konvensyen atau pertandingan di peringkat kebangsaan. Contoh Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Horizon Baharu peringkat Universiti Awam, *Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition* (APIC) dan Konvensyen atau pertandingan inovasi/Pengurusan Lean lain yang diiktiraf dan melibatkan penyertaan di peringkat kebangsaan.

Kumpulan hendaklah memilih kategori **Horizon Baharu KIK (HB KIK)** atau **Pengurusan Lean**.

Bagi memastikan penglibatan dan pembangunan bakat baharu dalam kumpulan, **bilangan ahli yang pernah menyertai konvensyen atau pertandingan di peringkat kebangsaan adalah terhad kepada maksimum dua (2) orang sahaja bagi setiap kumpulan.**

Ahli-ahli lain hendaklah terdiri daripada individu yang **belum pernah menyertai konvensyen atau pertandingan di peringkat kebangsaan.**

Pihak urus setia berhak membuat semakan dan pengesahan terhadap rekod penyertaan ahli bagi menentukan kelayakan kumpulan dalam Kategori *Team Excellence*.

2.0 KEPERLUAN PENYEDIAAN DOKUMEN

Setiap kumpulan perlu menyediakan dokumen seperti berikut;

Kategori	Penerangan
Horizon Baharu KIK (HB KIK)	Rujuk Lampiran – Panduan penyediaan dokumen projek HBKIK
Pengurusan Lean	Rujuk panduan Pengurusan lean

3.0 KRITERIA PENILAIAN *TEAM EXCELLENCE*

Kriteria penilaian adalah menggunakan kriteria kategori **Horizon Baharu KIK (HB KIK)** atau **Pengurusan Lean** mengikut projek yang didaftarkan.

POSTER PROJEK INOVASI

1.0 PENGENALAN

Kategori Poster Projek Inovasi menggunakan pendekatan **Pelaporan A3** bagi membentangkan projek penambahbaikan secara ringkas, sistematik, berasaskan fakta dan mudah difahami.

Poster yang disediakan hendaklah:

- ringkas dan mudah dibaca;
- mempunyai aliran cerita yang jelas;
- mengutamakan visual berbanding teks panjang;
- menggunakan data yang boleh disahkan;
- menggunakan graf/carta apabila bersesuaian;
- menunjukkan perbandingan sebelum dan selepas; dan
- menonjolkan penyelesaian serta impak projek.

Langkah proses Format Pelaporan A3:

- a) Latar belakang
- b) Penjelasan masalah
- c) Penetapan sasaran
- d) Analisis punca masalah
- e) Cadangan penyelesaian
- f) Pelan pelaksanaan
- g) Impak pelaksanaan

Setiap projek inovasi berkaitan penambahbaikan berterusan ke atas sistem penyampaian seperti penambahbaikan ke atas proses kerja, SOP, garis panduan dan apa-apa penambahbaikan bagi mencapai objektif projek di atas.

2.0 KEPERLUAN PENYEDIAAN DOKUMEN

Setiap kumpulan perlu menyediakan dokumen seperti berikut;



Dokumentasi	Penerangan
Poster menggunakan pendekatan dan struktur Pelaporan A3	Saiz Poster: A1 (594 mm × 841 mm) Orientasi: Menegak (<i>Portrait</i>) atau melintang(<i>landscape</i>). Format Pembentangan: Pelaporan A3 Prototaip: Prototaip projek inovasi hendaklah disediakan/dipamerkan sekiranya berkaitan dengan projek.

3.0 KRITERIA PENILAIAN POSTER PROJEK INOVASI

Bil.	Kriteria Penilaian	Pecahan Markah	Markah Penuh
1	PEMILIHAN MASALAH (BACKGROUND)		
1.1	Latarbelakang jabatan, kumpulan dan pemilihan kumpulan diterangkan	50	100
1.2	Kumpulan membuktikan penyertaan dan keberkesanan perancangan projek	50	
2	PENJELASAN MASALAH (CURRENT STATE)		
2.1	Kumpulan menerangkan pemasalahan yang berlaku dengan jelas	50	100
2.2	Kumpulan menggunakan gambarajah/jadual/lakaran untuk sebagai bukti masalah berlaku	50	
3	PENETAPAN SASARAN		
3.1	Kumpulan telah menetapkan sasaran pencapaian/penyelesaian	50	250
4	ANALISIS AKAR PENYEBAB (ANALYSIS)		
4.1	Kumpulan menggunakan diagram Kesan dan akibat dan 5 Why untuk menganalisis akar penyebab masalah	150	150
5	PENYELESAIAN/PELAKSANAAN PROJEK		
5.1	Kumpulan telah mengenal pasti cadangan /tindakan penyelesaian yang berpotensi	60	280
5.2	Kumpulan menyatakan dengan ringkas dan padat strategi dan kaedah yang digunakan dalam menghasilkan projek yang kreatif dan inovatif.	100	
5.3	Kumpulan menyatakan penghasilan dan pengujian prototaip (sekiranya ada)	120	
6	KEBERHASILAN/IMPAK PROJEK		
6.1	Kumpulan menyatakan hasil penilaian projek yang telah dibuat berdasarkan indikator-indikator pencapaian bagi outcome dan impak	120	320
6.2	Kumpulan menyatakan faedah sampingan (luar jangka) yang diperolehi hasil daripada pelaksanaan projek bagi outcome dan impak	100	
6.3	Kumpulan menyatakan tindakan susulan yang perlu dilaksanakan (sekiranya ada)	100	

Bil.	Kriteria Penilaian	Pecahan Markah	Markah Penuh
JUMLAH MARKAH KESELURUHAN		1000	1000

CONTOH POSTER PROJEK INOVASI (MENGUNAKAN FORMAT PELAPORAN A3)



UNTUK MAKLUMAT LANJUT

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau memerlukan penjelasan lanjut berkaitan penyediaan dokumentasi projek, sila hubungi:

FARAZILLAH AMIN

Pembantu Tadbir (P/O)

Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan
Pusat Jaminan Kualiti, Universiti Malaysia Sabah
Blok B, Aras 2, Bangunan Fakulti Sains dan Teknologi
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

fara@ums.edu.my | 088-320 000 (samb.: 102436)